



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
MERANGKAP PENERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

**MAJLIS PERASMIAN
PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT TRANSIT
ZON TIMUR**

20 FEBRUARI 2024, 11.00AM – 1.00PM

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

(A) **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrah Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-NYA dapat kita berkumpul bagi menjayakan **Majlis Perasmian Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit Zon Timur di Rantau Panjang, Kelantan** pada pagi ini.
2. Saya amat mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Hajah Rohani Ibrahim, EXCO Kebajikan dan Pembangunan Keluarga Negeri Kelantan yang turut sama hadir memberi

sokongan bagi penubuhan Pusat Sokongan Sosial Setempat Transit di sini.

(B) **PENGENALAN YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

Puan-puan dan Tuan-tuan,

3. Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang merupakan sebuah Badan Pemegang Amanah yang bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf hidup rakyat. Bagi mencapai matlamat tersebut YKN telah menjalankan aktiviti dan program yang meliputi bidang-bidang

kebajikan, kesihatan dan pendidikan sebagaimana yang dikehendaki oleh Surat Ikatan Amanah.

PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT (PSSS)

4. Pusat Sokongan Sosial Setempat menyediakan perkhidmatan psikososial yang holistik kepada masyarakat seperti sesi bimbingan dan kaunseling serta transit sementara berbentuk ***immediate relief*** kepada kumpulan sasaran yang memerlukan. Pengoperasian PSSS dilaksanakan secara tetap di premis dan secara bergerak (mobile) bagi

memastikan perkhidmatan psikososial kepada masyarakat dioptimumkan sepenuhnya.

5. Ini merupakan inisiatif kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui YKN bagi membantu menangani isu psikososial yang semakin menular dalam masyarakat khususnya kumpulan sasaran di bawah KPWKM. Antara isu yang sering terjadi dalam masyarakat adalah seperti isu keganasan rumah tangga, pasca penceraian, pengabaian, penderaan, gangguan

seksual, pemerdagangan manusia, kesihatan mental, ketagihan dadah dan rujukan kebajikan.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

6. Pada tahun 2021, YKN telah menjalankan inisiatif Pusat Sokongan Sosial Setempat dengan perkhidmatan secara bergerak (mobile). PSSS Mobile memberi khidmat secara *outreach* terus ke kawasan tumpuan ramai atau berhampiran dengan kawasan kediaman dan kawasan pendalaman bagi memudahkan masyarakat

mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan. Sejak mula beroperasi pada Disember 2021 hingga Januari 2024 seramai **44,783** orang telah mendapatkan khidmat bantuan psikososial di seluruh negara bagi pelbagai kes termasuk yang dirujuk kepada jabatan serta agensi dan kementerian yang berkaitan.

7. Rentetan daripada jelajah *outreach* perkhidmatan PSSS Mobile ke seluruh negara, YKN menerima maklum balas daripada klien dan jabatan agensi berkaitan untuk menambah baik perkhidmatan PSSS. Merujuk kepada kes-

kes yang diterima, PSSS berkeperluan untuk menyediakan pusat perlindungan atau transit bagi memberi kelegaan segera (*immediate relief*) kepada klien yang sangat memerlukan. Justeru itu, PSSS diperluaskan perkhidmatanya dengan menubuhkan PSSS Transit di Rantau Panjang Kelantan.

8. Pusat Sokongan Sosial Setempat ini beroperasi sebagai pusat rujukan setempat dan intervensi kepada klien dengan memberikan perlindungan awal dan kelegaan emosi kepada mangsa yang mengalami isu psikososial. Dalam

masa yang sama capaian program advokasinya diperluas dan diteruskan oleh KPWKM serta jabatan dan agensi di bawahnya.

9. Pusat Sokongan Sosial Setempat Transit di sini dilengkapi dengan fasiliti yang dapat memberikan perkhidmatan secara holistik kepada klien merangkumi pejabat pentadbiran, surau, pusat aktiviti serta blok penginapan yang dilengkapi dengan katil, bilik mencuci pakaian, ruang istirehat dan pantri.

10. Bangunan PSSS Transit ini merupakan sebahagian daripada bekas kuarters kakitangan Kastam Diraja Malaysia. Ianya telah diserahkan milik kepada Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat pada 26 September 2021 dan mula kerja pengubahsuaian mengikut spesifikasi keperluan Pusat Sokongan Sosial Setempat Transit.

BANTUAN PSIKOSOSIAL

Puan-puan dan Tuan-tuan

11. **Kemurungan atau tekanan emosi merupakan antara isu kesihatan awam yang menjadi kebimbangan terutamanya selepas COVID-19.** Apabila seseorang itu berada dalam keadaan stress yang melampau dan tidak mendapat sokongan yang secukupnya, ianya boleh meningkatkan risiko tingkah laku yang serius sehingga membawa kepada perlakuan bunuh diri. Oleh sebab itulah, peranan PSSS seperti ini amat penting supaya mereka yang memerlukan sokongan boleh mendapatkan bantuan.

RAKAN STRATEGIK PSSS

12. Dalam merealisasikan penubuhan PSSS Transit ini, YKN mendapat sokongan dan kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), *One Stop Crisis Centre* (Hospital) dan D11 Polis Diraja Malaysia, Lembaga Kaunselor Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Perancangan masa hadapan, PSSS akan memperluas jaringan kerjasama dengan beberapa lagi jabatan agensi kerajaan, NGO serta komuniti bagi melancarkan pengoperasian dan kendalian kes.

13. Kerjasama ini amatlah penting kerana setiap jabatan atau agensi mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berbeza. Namun, untuk membantu mereka yang mengalami masalah psikososial, setiap jabatan atau agensi perlu bekerjasama memberikan khidmat kepada klien dalam menyelesaikan isu atau masalah yang dihadapi klien.

14. PSSS juga melantik sukarelawan dalam kalangan pemimpin dalam komuniti seperti penghulu, ketua kampung atau ketua masyarakat untuk mengenal pasti permasalahan

dalam komuniti melalui PSSS kepada jabatan agensi di bawah KPWKM seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara dan lain lagi. Pendekatan ini penting dalam masyarakat untuk mengesan permasalahan diperingkat awal agar dapat ditangani dengan baik.

PENUTUP

15. Harapan saya semoga PSSS dapat digiat dan informasi mengenai perkhidmatan ini disebar luas hingga ke akar umbi untuk membantu masyarakat dalam menangani masalah psikososial demi keharmonian dan kesejahteraan negara.

Ayah mencari ikan bakar

Ibu memetik bunga seroja

Kalau penat rehat sebentar

PSSS kan dekat sahaja

Akhir kata, **dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan Pusat Sokongan Sosial Setempat Transit Rantau Panjang Kelantan.**

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
20 Februari 2024**